

SIARAN MEDIA

23hb Jan 2018

SEDIC - TAMBAHAN 1.5 BILION AMANAH SAHAM 1MALAYSIA (AS 1MALAYSIA) DIBUKA UNTUK LANGGANAN MASYARAKAT INDIA

Berikutan pengumuman Belanjawan 2018 oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, satu inisiatif pelaburan akan diperkenalkan untuk manfaat masyarakat India Malaysia. Tambahan 1.5 bilion unit Amanah Saham 1Malaysia (AS 1Malaysia) oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) akan ditawarkan untuk langganan oleh masyarakat India Malaysia. Tujuan utama inisiatif ini adalah untuk menggalakkan kaum India melabur dalam dana unit amanah ini, sehingga had maksimum 30,000 unit setiap pelabur (termasuk unit-unit yang dilanggan sebelum ini). Inisiatif di bawah Bajet 2018 ini menunjukkan komitmen penuh Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan masyarakat India dalam jangka panjang.

AS 1Malaysia telah dilancarkan pada tahun 2009, di mana dana ini bertujuan untuk mendapatkan peluang pelaburan yang menjana pendapatan yang konsisten dan berterusan disamping mengekalkan modal pelaburan para pemegang unit dalam tempoh jangka panjang melalui portfolio pelaburan yang dipelbagaikan. Dengan tambahan 1.5 bilion unit untuk komuniti India, ianya akan meningkatkan lagi penyertaan ekuiti oleh kaum India.

Unit tambahan 1.5 billion AS 1Malaysia akan dibuka untuk langganan mulai 29hb Januari 2018 sehingga ianya habis dilanggan sepenuhnya. Para pelabur boleh melanggan unit tambahan AS 1Malaysia dengan mengunjungi cawangan-cawangan ASNB terdekat atau ejennya termasuk Maybank, CIMB, RHB, POS Malaysia, Affin Bank, Alliance Bank, Am Bank, Bank Muamalat dan Bank Simpanan Nasional. Bagi pemilik akaun AS 1Malaysia yang sedia ada dan telah berdaftar dengan portal myASNB, mereka boleh meningkatkan pelaburan mereka menerusi platform atas talian ini di www.myasnb.com.my. Untuk maklumat lanjut mengenai cawangan-cawangan ASNB, sila layari www.asnb.com.my atau www.sedic.my.

Selain itu, untuk memastikan pengagihan yang adil dan bertanggungjawab dalam penyertaan ekuiti kaum India, terutamanya untuk manfaat keluarga B40, Kerajaan juga memperuntukkan pembiayaan khas sebanyak RM500 juta bagi tempoh 5 tahun dalam bentuk skim pinjaman tanpa faedah. Isi rumah B40 kaum India yang layak akan diberi pinjaman tanpa faedah sebanyak RM5,000 bagi setiap isi rumah, yang akan dilaburkan di AS 1Malaysia. Skim pelaburan ini akan menambah simpanan 100,000 isi rumah dari B40 kaum India, khususnya yang berada di bawah garis kemiskinan. Skim ini akan dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan Februari 2018. Kini penstrukturan

skim khas ini dari segi pelaksanaan dan operasi sedang giat dijalankan oleh PNB dengan kerjasama SEDIC yang akan diumumkan dalam masa terdekat.

Sehingga kini, Kerajaan telah membantu masyarakat India Malaysia melalui pelbagai inisiatif. Lebih 800 NGO dan 28 ILKS telah dibiayai melalui program-program pembangunan kapasiti untuk membantu lebih daripada 550,000 peserta terutamanya dari komuniti B40. Di samping itu, lebih 30,000 usahawan telah dibantu melalui pinjaman perniagaan sebanyak RM1.4 bilion. RM900 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan Sekolah-sekolah Tamil di Malaysia. Dengan pelancaran Pelan Tindakan Masyarakat India(MIB) pada 23 April 2017 oleh YAB Perdana Menteri, SEDIC telah dipertanggungjawabkan sebagai entiti pelaksana bagi pelan tindakan yang merangkumi segala inisiatif untuk masyarakat India.

SEDIC akan menyediakan maklumat yang terkini mengenai AS 1Malaysia dan prosedur permohonannya untuk masyarakat India. Pelabur dipohon untuk melayari laman web SEDIC di www.sedic.my atau ikuti facebook di @mysedic untuk mendapatkan maklumat yang tepat.